

Hari Kemerdekaan ke-68

31 Ogos 2025

Anwar tinjau kelancaran raptai penuh

PM diberi taklimat persiapan sambutan dan beramah mesra dengan orang ramai

bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir meninjau raptai penuh Hari Kebangsaan 2025 di Dataran Putrajaya, semalam.

Anwar tiba jam 8.30 pagi dan sempat beramah mesra dengan

orang ramai yang hadir menyaksikan raptai, selain meninjau segmen persembahan grafik manusia yang bakal menjadi tarikan utama sambutan kali ini.

Perdana Menteri turut diberi taklimat ringkas mengenai persiapan keseluruhan acara yang dijadual berlangsung pada hari ini.

Mengiringi beliau ialah Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil yang hadir lebih awal sekitar jam 7.30 pagi bagi meninjau kelancaran raptai di pentas utama, termasuk kawalan lalu lintas serta penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan sekolah.

Bertemakan 'Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni', sambutan tahun ini dijangka lebih meriah dengan perarakan utama sejauh 2.1 kilometer dari persimpangan berhampiran Dataran Putra, tu-



Anwar diiringi Fahmi meninjau persiapan pada raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya, Semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

rut disertai 14,010 peserta, 78 aset kenderaan, tujuh kereta berhias, 116 ekor haiwan serta 21 kumpulan pancaragam.

81 penyertaan agensi

Ia akan dimulakan dengan lafaz ikrar Rukun Negara, selain 14 das tembakan meriam semasa nyanyian lagu *Negaraku*, perbarisan kontingen membabitkan 81 penyertaan daripada agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Selain perarakan, pelbagai pengisian menarik bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan pengunjung sepanjang sambutan Hari Kebangsaan antaranya segmen Riuhan Merdeka.

Riuhan Merdeka menampilkan 20 persembahan, termasuk daripada artis terkenal serta tayangan filem terbuka yang akan berlangsung di tapak parkir Monumen Alaf Baru di Presint 2 bermula jam 12 tengah hari, hari

ini sehingga keesokannya.

Pengunjung juga berpeluang menonton pelbagai filem tempatan menerusi program Tayangan Filem Terbuka@Riuhan Merdeka mulai jam 2 pagi hingga 6 pagi pada 31 Ogos ini.

Acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan 2025 akan bermula esok seawal jam 7 pagi, dengan ketibaan pemimpin negara diikuti keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.